

# PM ajak golongan puja orang mati balik pada Islam

UM 28 MAR 1985

**K**OTA BAHARU 27 Mac - Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengajak satu golongan yang memuja orang yang sudah mati akibat perkelahian supaya kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

Katanya, mereka membangkitkan perasaan sehingga berlaku perkelahian dan kematian, dan kemudian mereka memuja pula orang yang mati itu.

Perdana Menteri berkata demikian semasa berucap di hadapan kira-kira 10,000 orang yang menyambut ketibaannya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Cepa lewat petang ini bagi memulakan lawatan dua hari ke Kelantan.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang diiringi oleh isterinya Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah tiba dengan sebuah pesawat khas telah disambut oleh Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohamad Yaacob diikuti oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen, ahli-ahli UMNO dan para pemimpin Barisan Nasional negeri.

Datuk Sri Dr. Mahathir

selanjutnya bertanya apakah di dalam Islam dikehendaki kita memuja orang ini yang mati dalam satu pertelingkahan antara sesama Islam.

"Mereka ini sememangnya menjadi orang-orang yang sesat dan adalah menjadi tanggungjawab kita di dalam UMNO untuk menarik mereka ke jalan yang benar dan ajaran Al-Quran," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO.

Beliau menyeru kepada mereka yang sesat itu supaya meninggalkan cara-cara yang bukan Islam itu dan balik semula kepada ajaran Islam. "Kita tidak menolak mereka kerana kita bukan jenis manusia yang ingin bermusuhan dengan orang-orang Islam.

"Kita tidak pernah berkata mereka bukan Islam dan kita masih sanggup berunding secara aman damai dan sanggup bekerjasama dengan mereka kalau mereka benar-benar berpegang kepada ajaran Islam," tegasnya.

Menurut beliau, tidak berapa lama dahulu UMNO telah membuka tangan menerima mereka dan sama-sama mentadbir negara kerana UMNO tidak ada perasaan tamak dan sanggup membahagi-bahagikan kuasa.

"Tetapi malangnya mereka tidak jujur dan bila terpisah dari kita tabiat lama berlaku lagi dan mereka balik kepada kejahatan," ujarinya.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan ahli-ahli UMNO sebagai pejuang bangsa mestilah membuka mata mereka yang meperalatkan agama Islam untuk kepentingan diri sendiri yang sanggup mengelirukan orang-orang Islam dengan ajaran yang tidak betul.

Beliau menarik perhatian bahawa kita harus memelihara agama Islam, bangsa kita dan negara dan hendaklah berdiri teguh serta percaya kepada perjuangan kita sehingga tidak ada manusia yang keliru.